Nurul Izzah bukan lagi Penasihat Kanan Ekonomi, Kewangan PM

Bekas wakil rakyat Permatang Pauh kini bantu Mohd Hassan perkukuh ekonomi

Oleh Rohaniza Idris
roha@bh.com.my

Kuala Lumpur: Naib Presiden PKR, Nurul Izzah Anwar mengesahkan beliau tidak lagi berkhidmat sebagai Penasihat Kanan Ekonomi dan Kewangan kepada Perdana Menteri, Datuk Seri Anwar Ibrahim.

Bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh itu yang menjadi tumpuan sebelum ini kerana kontroversi pelantikannya sebagai penasihat Perdana Menteri, berkata beliau kini menyertai Sekretariat Jawatankuasa Penasihat Menteri Kewangan yang dipengerusikan Tan Sri Mohd Hassan Marican.

"Mohd Hassan telah mengundang saya menyertai Sekretariat Jawatankuasa Penasihat bagi membantu usaha dalam memperkukuh ekonomi negara dan rakyat. Saya dengan rendah diri menerima tanggungjawab ini.

"Menerusi peranan baharu ini, saya tidak lagi berkhidmat sebagai Penasihat Kanan Ekonomi dan Kewangan kepada Perdana Menteri," katanya dalam satu kenyataan, semalam.

Awal bulan lalu, Nurul Izzah dalam satu temu bual bersama sebuah media tempatan, memaklumkan beliau dilantik sebagai Penasihat Kanan Ekonomi dan Kewangan kepada Perdana Menteri, berkuat kuasa 3 Januari 2023.

Pelantikan itu bagaimanapun mengundang kritikan pelbagai pihak terutama pembangkang yang mempertikaikan keputusan berkenaan dan mengaitkannya dengan amalan nepotisme.

Anwar kemudian menjelaskan, anaknya tidak menerima sebarang elaun dan beliau sendiri mempelawa bekas Ahli Parlimen Permatang Pauh itu untuk membantunya sebagai penasihat di Jabatan Perdana Menteri dan Kementerian Kewangan.

Nurul Izzah berkata, beliau amat menghargai setiap peluang untuk menyumbang kepada negara demi melakar masa depan yang lebih baik untuk Malaysia.

"Saya mengambil kesempatan ini bagi menzahirkan sepenuh penghargaan atas setiap sokongan dan dokongan yang diberikan, baik daripada orang ramai mahupun seluruh pasukan perkhidmatan awam dan komuniti kerajaan.

"Saya berharap khidmat membantu Tan Sri Mohd Hassan berserta anggota jawatankuasa lain mampu memberi manfaat kepada negara tercinta. Terima kasih saya ucapkan kepada seluruh jawatankuasa "

Nurul Izzah Anwar,
Naib Presiden PKR

"Rakyat Malaysia secara keseluruhannya mengharapkan masa depan yang cemerlang dan penyatuan yang utuh dipimpin oleh Perdana Menteri bersama Kerajaan Perpaduan.

"Saya berharap khidmat membantu Tan Sri Mohd Hassan berserta anggota jawatankuasa lain mampu memberi manfaat kepada negara tercinta. Terima kasih saya ucapkan kepada seluruh jawatankuasa. Sama-samalah kita menyumbang dalam sebarang kapasiti demi negara kita," katanya.

Jemput Nurul Izzah

Terdahulu, Hassan yang juga Penasihat PETRONAS, dalam kenyataan berasingan, memaklumkan menjemput Nurul Izzah untuk mengetuai secara bersama sekretariat yang dibentuk bagi menyokong operasi Jawatankuasa Penasihat Menteri Kewangan.

"Satu sekretariat untuk menyokong operasi Jawatankuasa Penasihat Menteri Kewangan telah dibentuk dan ia terletak di Menara Berkembar PETRONAS. Nurul Izzah dijemput untuk mengetuai secara bersama sekretariat yang dibentuk itu bersama Khairil Anuar Ramli.

"Jawatankuasa penasihat melapor terus kepada Menteri Kewangan dan akan bermesyuarat sekerap mungkin bergantung pada keperluan," katanya memaklumkan jawatankuasa ini mengadakan mesyuarat sulungnya 10 Febaruari lalu.

Mesyuarat dipengerusikan Hassan dihadiri ahli jawatankuasa lain, iaitu Pengerusi Sarawak Energy Bhd, Datuk Amar Abdul Hamed Sepawi; Pengerusi Eksekutif FPSO Ventures Sdn Bhd, Datuk Ahmad Fuad Md Ali; Profesor Ulung Ekonomi Universiti Malaya, Datuk Profesor Ulung Rajah Rasiah dan Profesor Ekonomi di Sunway University Business School, Dr Yeah Kim Leng.

Mengenai peranan Jawatankuasa Penasihat Menteri Kewangan, beliau berkata, ia akan menasihati Menteri Kewangan mengenai cara meningkatkan asas hasil negara dan mengurangkan perbelanjaan mengurus.

Selain itu, mengenai perkara berkaitan subsidi, termasuk menyemak dan menyusun semula subsidi sedia ada dan penyediaan perlindungan sosial yang lebih holistik.

Katanya, peranan jawatankuasa itu juga membabitkan perkara berkaitan syarikat berkaitan kerajaan (GLC), termasuk menentukan kaitannya dalam konteks semasa dan menyatukan yang mana sesuai, selain perkara berkaitan hutang negara dan tadbir urus yang baik.